



SUKARELAWAN membantu membuat analisis sarang penyu yang telah menetas.

KOSMO 25/4/12 MS 4

PESERTA bergambar kenangan pada Program Sukarelawan Penyu yang diadakan di Chagar Hutang, Pulau Redang baru-baru ini.

# Sukarelawan jaga habitat penyu

Oleh MUSTAPA LAKAWA  
mustapa.lakawa@kosmo.com.my

**K**ATA orang, tak kenal maka tak cinta dan kerana cinta, orang sanggup berkorban masa, wang ringgit mahupun tenaga.

Hal yang sama turut berlaku dalam kehidupan haiwan. Demi kelangsungan hidupan laut bernama penyu, wujud sekumpulan manusia yang sanggup berkorban dan mereka digelar sukarelawan penyu.

Hakikatnya, kesedaran untuk mewujudkan Program Sukarelawan Penyu adalah atas kecintaan kumpulan tersebut kepada habitat laut itu yang semakin hari semakin berdepan dengan masalah kepupusan.

Untuk rekod, puluhan penyu pelbagai jenis termasuk penyu agar telah ditemui mati di perairan negara ini dengan pun-

“Sehingga kini, SEATRU telah menerima lebih kurang 3,000 orang sukarelawan daripada Malaysia, Singapura, Jerman, United Kingdom, Perancis, Australia dan China

— JUANITA JOSEPH

kitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Juanita Joseph mengakui program sukarelawan yang dijalankan oleh kebanyakan pusat pemuliharaan penyu di seluruh dunia adalah pendekatan terbaik menjaga habitat laut berkenaan.


“Di Malaysia, program sukarelawan penyu yang pertama diperkenalkan oleh Seatru pada tahun 1998. Sehingga kini, ia menerima lebih kurang 3,000 sukarelawan dari Singapura, Jerman, United Kingdom, Perancis, Australia dan Chi-

September depan yang mana pendaftaran untuk program tersebut dibuka kepada orang ramai secara dalam talian sejak 8 Januari lalu.

“Program ini dijalankan di Chagar Hutang, Pulau Redang selama seminggu untuk setiap slot yang disertai oleh lapan sukarelawan. Ini merupakan aktiviti standard dijalankan dalam pemuliharaan penyu di seluruh dunia.

“Aktiviti tersebut termasuklah memantau persarangan penyu, menjaga sarang penyu daripada pemangsa, membuat analisis sarang penyu yang telah

**Fokus**





PROGRAM Sukarelawan Penyu mengajar setiap sukarelawan untuk sentiasa bekerjasama untuk melicinkan setiap aktiviti yang dijalankan.

KANAN: Sarang penyu yang telah menetas dibuat analisis oleh para peserta bagi memastikan penyu dapat meneruskan kehidupan di laut lepas.





PESERTA bergotong-royong memasak makanan untuk hidangan makan tengah hari.

jelasanya.

Selain itu kata Juanita, beberapa aktiviti menarik juga disusun khas untuk kumpulan sukarelawan ini seperti trip keliling pulau, aktiviti snorkeling, turtle rock hiking, river hicking dan Chagar Hutang prawn spa.

Bagaimanapun katanya, sedikit barayan akan dikenakan kepada peserta yang mengikuti program merangkumi kos pengangkutan ke Pulau Redang, membeli makanan dan penempatan.

"Bagi pelajar tempatan, bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM400, pe-

kerja tempatan (RM650), pelajar antarabangsa (AS\$200) dan bagi pekerja antarabangsa adalah sebanyak AS\$300," tambahnya.

Bagi pelajar Universiti Monash dari Melaka, Au Wee Chan, 30, keputusannya menyertai program sukarelawan penyu itu atas dasar minat dan kecintaan terhadap hidupan laut tersebut.

Katanya, tidak semua orang berpeluang untuk merasai pengalaman melihat proses penyu bertelur dan menjaga haiwan tersebut mengikut kaedah saintifik.

"Tinggal selama seminggu di Chagar Hutang merupakan satu pengalaman



BEREHAT di Prawn Spa, Chagar Hutang dapat menenangkan fikiran para sukarelawan.

KOSMO 25/4/12 MS 5.

yang amat bermakna hingga ada antara kami yang ingin kembali ke sini buat kali kedua," katanya.

Thomas Cheong, 30, dari Singapura pula menjelaskan, dia begitu meminati untuk mengkaji habitat penyu.

"Di sini, kami bukan sahaja didedahkan kepada cara-cara pemuliharaan penyu, tetapi pelbagai kajian juga boleh dilakukan dengan maklumat yang tepat," ujarnya.

Seorang lagi sukarelawan penyu dari Korea, Han Jong Kim, 23, mengakui sangat bertuah kerana dapat menyertai program seumpama itu.





**PESERTA** menaiki bot di Program Sukarelawan Penyu yang dijalankan oleh Seatru, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Pulau Redang baru-baru ini.

"Paling menarik adalah rondaan pada sebelah malam yang dibuat secara syif, sukarelawan dengan pekerja Seatru akan bergilir-gilir melakukan rondaan hingga pagi.

"Aktiviti ini memang memenatkan, tetapi pengalaman seperti ini jarang sekali boleh diperoleh," katanya.



**AKTIVITI** mendaki turut diadakan bagi membangkitkan stamina dalam kalangan peserta.



**PESERTA** berehat untuk melepaskan penat sambil menikmati keindahan alam sekitar selepas menjalani salah satu aktiviti pada Program Sukarelawan Penyu.